

Portal TMW 2018 jadi rujukan

Maran: Portal Tahun Memperkasakan Wanita 2018 (TMW 2018) yang akan dilancarkan, Rabu ini akan memasukkan pelbagai maklumat dan aktiviti pembangunan wanita sebagai rujukan pencapaian golongan terbabit di negara ini.

Pada masa sama, logo jenama TMW 2018 yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di Putrajaya itu akan diguna pakai untuk mempromosi tahun memperkasakan wanita.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata kerajaan negeri akan mengadakan pelbagai program berkaitan TMW 2018 digalakkan menggunakan logo jenama itu.

"Kita juga minta semua pihak termasuk kerajaan negeri menggunakan logo jenama TMW 2018 dalam program berkaitan pembangunan wanita termasuk keusahawanan.

Sasar 59 peratus penyertaan

"Portal TMW 2018 ini pula boleh menjadi rujukan kepada pelbagai organisasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai pencapaian wanita di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Konvokesyen dan Juara Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Maran, semalam.

Seramai 400 peserta Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan 15 peserta Latihan Akademik menerima sijil masing-masing.

Rohani berkata, kementeriannya menasarkankan 59 peratus penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan pada 2020.

"Sekarang ini kita baru mencapai 56 peratus penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan dan yakin mencapai sasaran itu menerusi kerjasama semua pihak," katanya.

Jyi Wu menunjukkan sebahagian karyanya pada pameran lukisan Unseen, Not all wounds are visible di Sunway Velocity, Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Portal TMW 2018 ini boleh menjadi rujukan kepada pelbagai organisasi dan NGO mengenai pencapaian wanita di seluruh negara"

Rohani Abdul Karim,
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat